

FlameX Forte Oral Suspension

Sodium Alginate/ Dried Aluminium Hydroxide/ Calcium Carbonate/ Simethicone (250mg/100mg/75mg/25mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan FlameX
2. Bagaimana FlameX berfungsi
3. Sebelum mengambil FlameX
4. Cara mengambil FlameX
5. Semasa menggunakan FlameX
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan FlameX

FlameX digunakan untuk melegakan simptom refluks gastroesophagus seperti regurgitasi asid, pedih ulu hati dan gangguan pencernaan. Ia juga membantu melegakan keadaan gastrousus yang disebabkan oleh gas berlebihan (kembung).

Bagaimana FlameX berfungsi

FlameX mengandungi aluminium hidroksida dan kalsium karbonat sebagai antasid untuk mengurangkan keasidan gastrik dalam perut. Natrium alginate digunakan dengan antasid untuk mengurangkan refluks dan Simethicone membantu mengurangkan kembung.

Sebelum menggunakan FlameX

-Bila tidak boleh menggunakan

Beritahu doktor anda sebelum menggunakan FlameX jika anda mempunyai hipersensitiviti terhadap mana-mana kandungannya.

-Mengandung dan penyusuan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan. FlameX boleh digunakan semasa kehamilan, tetapi di bawah pengawasan doktor.

- Sebelum menggunakan ubat ini

Gunakan dengan berhati-hati pada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

Sebatian aluminium dan garam kalsium berinteraksi dengan banyak ubat lain. Interaksi dapat dikurangkan dengan memberikan sebatian aluminium dan kalsium karbonat dengan ubat-ubatan lain pada selang masa 2 hingga 3 jam.

Cara mengambil FlameX

-Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

Dos biasa

Orang dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun: 10-20 ml selepas makan dan pada waktu tidur, sehingga empat kali sehari.

Kanak-kanak di bawah 12 tahun: Perlu diberi nasihat perubatan sahaja.

-Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa

telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Ia boleh menyebabkan rembesan gastrik berlebihan dan penolakan asid. Kalsium karbonat boleh menyebabkan hiperkalsemia, terutama pada pesakit yang mengalami masalah buah pinggang atau selepas pengambilan dos yang tinggi.

Semasa menggunakan

-Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom berterusan selepas mengambil ubat ini.
- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan FlameX
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya gejala tidak bertambah baik selepas tujuh hari, keadaan klinikal perlu dikaji semula.

Rawatan kanak-kanak yang berumur kurang daripada 12 tahun tidak disyorkan secara amnya, kecuali atas nasihat perubatan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

FlameX Forte Oral Suspension

Sodium Alginate/ Dried Aluminium Hydroxide/ Calcium Carbonate/ Simethicone (250mg/100mg/75mg/25mg per 5ml)

Jika simptom berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Hidroksida aluminium adalah astringen dan boleh menyebabkan sembelit. Dalam dos yang besar boleh menyebabkan halangan pada usus.
- Boleh menyebabkan pengurangan fosfat disertai dengan peningkatan penyerapan tulang dan peningkatan kalsium dalam air kencing (hypercalciuria) dengan risiko tulang lembut (osteomalacia) pada pesakit dengan diet rendah fosfat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan FlameX

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhi ubat dari kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Suspensi berwarna oren dengan perasa pudina.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Sodium Alginate, Dried Aluminium Hydroxide, Calcium Carbonate, Simethicone

- Bahan-bahan tidak aktif

Sodium Bicarbonate, Sodium Methylparaben, Sodium Propyl Paraben, Cetylpyridinium Chloride, Sodium Saccharin, Microcrystalline

Cellulose, Carboxymethyl Cellulose Sodium, Xanthan Gum, Sorbitol Solution 70%, Sugar Syrup, Sunset Yellow, Peppermint oil, Hydrogenated castor oil dan Purified Water.

-MAL number

MAL19096033X

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

12/11/2024

Nombor Siri

NPRA(R2/2)241014/1359